

UMP Hasilkan Portal e-Dagang Wanita Mall Bantu Usahawan Wanita

Temerloh, 23 Mei- Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang (JPW) menghasilkan Portal e-Dagang Wanita Mall bagi usahawan wanita memasarkan produk-produk perniagaan mereka dalam satu portal yang mudah diakses.

Perasmian portal disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim dalam Majlis Perasmian Penutup Festival Dari Wanita Untuk Wanita 2016 Negeri Pahang yang berlangsung di Dataran Temerloh baru-baru ini. Majlis dihadiri Pengurus Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, Dato' Hajah Shahaniza Shamsuddin dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dato' Sri Rohani berbangga dengan usaha JPW Negeri Pahang yang mulakan inisiatif dengan kerjasama pihak UMP dalam membangunkan Wanita Mall adalah satu sistem yang digunakan untuk membangunkan Portal e-Dagang untuk usahawan wanita, terutamanya di kawasan luar bandar bagi meningkatkan produktiviti serta memasarkan produk mereka.

Ujarnya, usaha yang baik ini boleh dikongsikan dengan wanita lain seluruh negara dalam usaha membantu usahawan lain memajukan perniagaan masing-masing.



Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP telahpun mengadakan beberapa siri dan bimbingan kepada golongan usahawan dan ibu-ibu tunggal dari seluruh negeri Pahang dan kesinambungan daripada itu timbulnya satu idea membangunkan portal yang boleh membantu kalangan mereka ini dalam memasarkan produk perniagaan masing-masing.

"Sistem penghasilan Portal e-Dagang ini adalah hasil usaha penyelidik – penyelidik dari Pusat Kecemerlangan IBM bersama Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) yang diketuai oleh Pengarah Pusat Kecemerlangan IBM, Dr. Mohamed Ariff Ameedeen. Program ini merupakan salah satu usaha UMP dalam memasyarakatkan teknologi selaras dengan perancangan dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020," katanya.

Manakala bagi Dr. Mohamed Ariff berkata, pada masa ini terdapat ramai usahawan wanita yang bermula secara kecil-kecilan di dalam komuniti masing-masing, walaupun bermula menggunakan laman sosial adalah salah satu cara mendapatkan pelanggan-pelanggan yang baru, luar dari kawasan masyarakat tempatan, ianya tidak ideal bagi menjalankan operasi jual-beli di antara pelbagai pihak.



"Biasanya timbul permasalahan seperti apakah platform yang paling ideal untuk tujuan jual-beli seperti ini? Portal-portal e-Dagang kini boleh didapati dengan mudah, namun bayaran yang dikenakan oleh pereka-pereka laman web bagi menghasilkan portal e-Dagang adalah sangat tinggi. Sebuah portal biasa yang tidak boleh diubahsuai sudah pun mencecah harga RM5,000. Apabila dimasukkan kos pengubahsuain, pangkalan data, security certificates dan sebagainya, harga ini boleh melonjak lebih daripada RM 10,000," ujarnya.

Melalui sistem ini, usahawan-usahawan kecil tersebut boleh menghasilkan sendiri portal e-Dagang secara mudah, tanpa memerlukan ilmu pembinaan laman web.

Katanya, dengan hanya menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh sistem ini, mereka boleh merekabentuk portal mereka sendiri dan mengubahsuai portal tersebut mengikut kesesuaian masing-masing. Sekiranya berpuas hati dengan portal yang mereka hasilkan, mereka dapat memuat-naik portal mereka terus ke web server yang disediakan, dengan hanya menekan sebuah butang.

Selain itu, setiap portal yang dihasilkan juga akan disertakan dengan pangkalan data, modul pembayaran, modul-modul keselamatan serta pelbagai modul lain. Portal ini sangat mudah digunakan dan sesuai bagi golongan bukan IT.



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 23-05-2016, 14:44:26